

**Krisis MIC: Palanivel, Subramaniam akan 'tarik diri' mahu parti selesai kemelut
Astro Awani
29 Januari 2015**

KUALA LUMPUR: Presiden MIC, Datuk Seri G. Palanivel hari ini bersetuju untuk membuat moratorium (penangguhan) bagi membolehkan satu perbincangan dengan Datuk Seri Najib Tun Razak diadakan bagi menyelesaikan kemelut parti.

"Kita akan adakan moratorium. Saya tidak mahu krisis parti berlarutan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kenyataan itu juga memaklumkan bahawa beliau dan timbalannya, Datuk Seri Dr S. Subramaniam, akan 'tarik diri' untuk memberi ruang bagi menyelesaikan krisis tersebut.

"Kami akan bertemu dan menentukan apa tindakan selanjutnya yang akan diambil bagi memuaskan hati semua pihak secepat mungkin," tambah Palanivel.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/krisis-mic-palanivel-subramaniam-akan-tarik-diri-mahu-parti-selesai-kemelut-53020>